

Reformasi Pendidikan al-Hadi dan al-Faruqi

Education Reform of al-Hadi and al-Faruqi

MOHD AZRANI ASRAN
WAN FARIZA ALYATI WAN ZAKARIA

ABSTRAK

Kemajuan sesebuah tamadun bergantung kepada penguasaannya dalam bidang pendidikan. Kemajuan tamadun Islam pada zaman 'Abbasi terbukti dengan penguasaan mereka dalam bidang ilmu dan pendidikan. Setelah kejatuhan tamadun Islam sehingga berakhirnya zaman penjajahan, umat Islam mengalami kemunduran dan ketinggalan dalam segenap bidang termasuk pendidikan. Namun begitu, terdapat usaha untuk mengembalikan semula kegemilangan tamadun Islam yang lebih dikenali sebagai gerakan reformasi. Gerakan ini bermula sejak era penjajahan British ke atas Mesir sehingga tamat zaman kolonialisme dan masih lagi berterusan sehingga ke hari ini. Akan tetapi, usaha dan reformasi yang dilaungkan masih lagi jauh dari menjadi kenyataan. Kajian ini meneliti perbandingan reformasi khusus dalam bidang pendidikan dengan membandingkan usaha reformasi pada zaman kolonialisme dan juga zaman pasca kolonialisme. Pengkaji memilih al-Hadi sebagai tokoh era kolonialisme dan al-Faruqi sebagai tokoh era pasca-kolonialisme memandangkan kedua-dua tokoh ini mempunyai idea dalam reformasi pendidikan dan juga merealisasikan melalui penubuhan institusi pendidikan. Kajian ini membandingkan reformasi pendidikan al-Hadi dan al-Faruqi dalam empat aspek, iaitu kelemahan pendidikan Islam, penerimaan pendidikan Barat, integrasi pendidikan dan juga penubuhan institusi pendidikan. Pendekatan yang digunakan ialah kajian kualitatif menerusi metode analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan sejak dari zaman penjajahan sehingga ke hari ini, masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam sistem pendidikan Islam. Justeru, reformasi pendidikan al-Faruqi bukan sahaja dapat memperbaiki kelemahan reformasi pendidikan al-Hadi, malah melengkapkan kekurangan yang terdapat dalam reformasi tersebut.

Kata kunci: Reformasi; pendidikan; al-Hadi; al-Faruqi; reformasi pendidikan

ABSTRACT

The progress of civilization depends on its mastery in the field of education. The development of Islamic civilization during the time of 'Abbasid proved their dominance in the field of science and education. After the fall of Islamic civilization until the end of the colonial period, Muslims were backward and lagging behind in all fields, including education. But there was an attempt to regain the glory of Islamic civilization known as the reformation movement. This movement began in the era of British colonial which ruled over Egypt until the end of the days of colonialism and is still continuing to this day. But the reformation efforts and propagations are still far from reality. This study looks at the reformation specific to education by comparing the educational reforms in period of colonialism and post-colonialism. Therefore, the researcher selected al-Hadi to represent the colonialism era and al-Faruqi as the figure from post-colonialism. Both these figures promoted ideas in educational reforms and also then through the establishment of educational institutions. This paper compares the educational reforms al-Hadi and al-Faruqi in four aspects, i.e., the weakness of Islamic education, the acceptance of Western education, the integration of education and the establishment of educational institutions. This paper is a qualitative study using the method of literature review. The results showed that from colonial times until the present day, there are still weaknesses and deficiencies in the system of Islamic education. Thus, al-Faruqi education reform not only improves the weakness of al-Hadi education reformation, but also complemented the shortcomings of the reformation.

Keywords: Reform; education; al-Hadi; al-Faruqi; education reform

PENDAHULUAN

Reformasi merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang berasal daripada perkataan *re-form*. Menurut *The Oxford English Dictionary* (1989, 13: 480), *reform* dijelaskan sebagai:

(1) to make a change for the better in (an arrangement, state of things, practice), (2) to correct, put right (an error or mistake), (3) to bring (a person) to abandon some evil conduct and adopt a right one, (4) to improve one's own character; (5) to bring into a better state or improve, either by some change of form, or by the removal of faults or abuse, (6) to put an end to (disorder etc.) by introducing a better procedure, (7) to restore to

the original form, (8) to rebuild after (destruction...), and (9) to repair (damage...).

Definisi ini dapat diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai: (1) untuk membuat perubahan yang lebih baik dalam (perkiraan, keadaan benda, amalan), (2) untuk membetulkan (kesilapan atau kesalahan), (3) untuk membawa (seseorang) untuk meninggalkan beberapa kejahatan dan mengamalkan yang betul, (4) untuk memperbaiki watak sendiri seseorang, (5) untuk membawa kepada keadaan yang lebih baik atau memperbaiki, sama ada oleh perubahan beberapa bentuk, atau oleh penyingkiran itu kesilapan atau penyalahgunaan, (6) untuk menamatkan (gangguan dan lain-lain) dengan memperkenalkan satu prosedur yang lebih baik, (7) untuk mengembalikan kepada bentuk asal, (8) untuk membina semula selepas (kemusnahan...), dan (9) untuk membaiki (kerosakan...). *Kamus Dewan* (2000: 1302) pula menyatakan reformasi bermaksud perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik, misalnya dalam sistem sosial, politik, dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Daripada tafsiran yang dinyatakan di atas, jelaslah reformasi mempunyai skop dan makna yang luas. Namun begitu, reformasi dalam kajian ini melihat kepada pengertian 7 hingga 9 seperti yang dinyatakan di atas, iaitu ‘untuk mengembalikan kepada bentuk asal, membina semula selepas kemusnahan dan untuk membaiki kerosakan’.

Merujuk kepada pengertian ketujuh (7), iaitu *reform* dalam erti kata kembali kepada bentuk asal. Bentuk asal yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada zaman kegemilangan Islam pada zaman pemerintahan ‘Abbasiyyah di Baghdad. Zaman ini dianggap sebagai zaman kegemilangan dan kemajuan Islam kerana Islam berkembang di seluruh dunia, maju dari segi ekonomi, ketenteraan dan juga intelektual. Merujuk pengertian kelapan (8) pula, *reform* difahami sebagai membina (sesuatu) selepas kemusnahan. Kemusnahan dalam tafsiran ini merujuk kepada kemusnahan tamadun Islam setelah tumbangannya tamadun Islam di Baghdad akibat serangan tentera Monggol di bawah pimpinan Hulagu Khan. Kemusnahan ini juga membawa bersama kemusnahan institusi *Khilafah* secara formal (Esa 2001: 36), tamadun Islam, ekonomi dan juga intelektual umat Islam. Dalam tafsiran ketiga, iaitu membaiki kerosakan merujuk kepada kerosakan yang berlaku dalam pemahaman umat Islam dari sudut tauhid, akhlak dan pandangan

Islam. Reformasi dalam kajian ini akan melihat bagaimana tokoh pemikir Islam melihat masalah yang sedang berlaku dalam masyarakat Islam, mencari dan mengenal pasti punca permasalahan dan mencari jalan penyelesaian bagi mengembalikan era kegemilangan umat Islam dengan memfokuskan pada bidang pendidikan. Oleh yang demikian, reformasi dalam kajian ini lebih memfokuskan pada reformasi dalam agama Islam dengan melihat kepada usaha yang dijalankan oleh para pemikir Islam dalam mengembalikan kegemilangan umat Islam melalui pengenalanpastian masalah, membetulkan kesilapan amalan agama yang tidak tepat seterusnya membaiki segala kesalahan dan kesilapan dalam aspek pemikiran yang akan melahirkan semula umat Islam sebenar yang maju dan progresif.

REFORMASI PENDIDIKAN

Perbincangan awal menyimpulkan reformasi ialah usaha untuk membaiki, menyempurna dan memajukan keadaan umat Islam. Apabila reformasi dikaitkan dengan pendidikan pula, ia membawa maksud usaha untuk membaiki sistem dan falsafah pendidikan ke landasan tauhid, menyempurnakan keseimbangan dalam kepelbagaian bidang ilmu dan menjadikan pendidikan Islam maju dan dapat menyaingi kemodenan semasa serta mendahului zaman.

Merujuk kepada kegemilangan zaman pemerintahan Kerajaan ‘Abbasiyyah, kemampuan umat Islam pada waktu menguasai pelbagai jenis ilmu pengetahuan menjadikan masyarakat Islam begitu dikagumi dan dihormati. Keadaan ini disumbangkan oleh kemampuan para ilmuwan Islam pada ketika itu mengintegrasikan ilmu falsafah Yunani dan Rom dengan ilmu-ilmu tradisi Islam dengan baik sehingga melahirkan ramai cendekiawan Islam yang menguasai pelbagai bidang. Asas kepada kemajuan pendidikan pada zaman kegemilangan Islam ialah menguasai ilmu *naqli* dan *‘aqli* dengan baik. Pada zaman ini, ilmu *‘aqli* telah dikuasai oleh negara Barat dan umat Islam semakin mundur dan ketinggalan. Reformasi pendidikan dalam kajian ini merujuk kepada usaha yang dijalankan oleh al-Hadi dan al-Faruqi dalam mengintegrasikan ilmu pengetahuan berdasarkan pandangan dan pendapat mereka serta institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh kedua-dua orang tokoh ini.

SYED SYEIKH BIN SYED AHMAD AL-HADI

Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi dilahirkan pada 25 Rejab 1284H (Syed Alwi t.th.) bersamaan 22 November 1867¹ di Kampung Hulu, Melaka. Menurut Syed Alwi, Syed Syeikh al-Hadi berasal daripada keturunan campuran Arab dan Melayu. Bapanya, Syed Ahmad bin Hassan al-Hadi berbangsa Arab daripada keturunan Hadramaut, manakala ibunya berbangsa Melayu. Syed Syeikh merupakan anak keempat daripada tujuh orang adik-beradik. Pada tahun 1291H, ketika Syed Syeikh berumur tujuh tahun, keluarga beliau telah berpindah ke Pulau Penyengat, Riau bersama dengan bapa saudaranya, iaitu Syed Muhammad (Syed Alwi t.th.). Di Pulau Penyengat, Tengku Ali Kelana ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Yusoff al-Hadi, Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga telah mengambil Syed Sheikh sebagai anak angkat. Beliau telah dipelihara dengan kasih sayang oleh Raja Ali Kelana seperti anaknya sendiri.

Di Riau, al-Hadi memulakan pengajian asas bahasa Melayu dan Arab serta perkara-perkara asas keagamaan dengan Raja Ali Kelana. Setelah itu, beliau telah dihantar ke Terengganu untuk belajar di pondok dengan ditemani oleh bapa saudaranya, Syed Muhammad. Pada ketika itu, pondok-pondok di Terengganu dan Kelantan merupakan destinasi popular bagi pengajian agama dan bahasa Arab. Namun begitu, Syed Syeikh tidak tertarik untuk meneruskan pengajian di situ. Menurut Talib (1992: 9), pengajian pondok hanya menggalakkan pelajarinya menghafal pelajaran yang diterima sahaja tanpa dibenarkan menyual semula.

Setelah pulang dari Terengganu, Syed Syeikh meneruskan pengajian dengan Raja Ali Kelana dalam bidang bahasa Melayu, kebudayaan dan pengajian Islam. Di samping itu juga, Syed Syeikh memperoleh ilmu melalui pembacaan luasnya sendiri. Beliau membaca buku-buku Arab dan Melayu, jurnal-jurnal dan juga surat khabar. Syed Syeikh juga melibatkan diri dalam majlis ilmu yang diadakan di istana. Selain itu, Syed Syeikh juga mendapat ilmu daripada kelab Persekutuan Rasyidiyyah. Kelab ini ditubuhkan pada awal 1890-an. Ahli kelab ini terdiri daripada ulama, penulis dan golongan bangsawan Riau. Menurut Tan (1999: 111), sebahagian ahli kelab ini merupakan graduan dari Timur Tengah seperti Makkah dan Mesir. Selain itu, al-Hadi telah bertemu dengan Haji Husin Palembang dan Haji Salleh Minangkabawi yang menginap di Rumah Wakaf. Al-Hadi menggunakan kesempatan ini untuk berbincang dan berdiskusi

tentang ilmu keagamaan dan seterusnya menjadi murid kepada dua orang tokoh agamawan ini.

Syed Alwi menyatakan bapanya telah bertemu dengan Muhammad 'Abduh di Mesir dan Abdullah Zawawi di Makkah. Syed Syeikh mendapat peluang ke Timur Tengah kerana menemani keluarga diraja Pulau Penyengat untuk mengerjakan haji dan melanjutkan pelajaran di Makkah ataupun Mesir. Pertemuan al-Hadi dengan 'Abduh di Mesir telah memberi kesan yang mendalam terhadap perjuangan reformasi yang diperjuangkan oleh al-Hadi. Manakala menurut Talib (1992: 12), al-Hadi bertemu dengan 'Abduh ketika berusia 28 tahun dan 'Abduh berusia 46 tahun pada ketika itu.

Pada tahun 1901M ketika berumur 34 tahun, Syed Syeikh telah berhijrah ke Singapura. Di sana, beliau telah dilantik oleh Raja Ali Kelana menjadi pengurus kilang perusahaan batu bata yang bernama *Batam Bricks Works Limited* yang dimiliki oleh Raja Ali Kelana sendiri. Syed Syeikh sahaja yang tinggal di Singapura dan berulang alik ke Pulau Penyengat, manakala keluarganya masih menetap di Pulau Penyengat. Di Singapura, al-Hadi telah berkenalan dengan golongan intelektual Islam lulusan Timur Tengah seperti Abbas bin Mohd Taha (lahir 1885M), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari (1869-1956) dan Syeikh Muhammad Salim al-Kalali. Akhirnya, kumpulan ini telah menubuhkan Majalah *al-Imam* (1906-1908). Pada 4 Februari 1908M, kumpulan ini juga telah menubuhkan Madrasah al-Iqbal (1908-1909) (Syed Alwi t.th.). Setelah terhentinya penerbitan Majalah *al-Imam* dan penutupan Madrasah al-Iqbal, Syed Syeikh al-Hadi berpindah ke Johor Bahru bersama bapa angkatnya, Raja Ali Kelana.² Beliau telah dilantik sebagai peguam di Mahkamah Syariah Johor Bahru pada tahun 1909M. Menurut Talib (1992: 20), al-Hadi bersetuju untuk menjadi peguam syariah di Johor kerana negeri Johor pada ketika itu menjalankan pentadbiran menurut undang-undang syariah.

Di Melaka, Syed Syeikh meneruskan usaha reformasi dakwah dan penyebaran agama Islam yang disokongnya sejak mula lagi. Usaha awal beliau ialah dengan mendirikan Madrasah al-Hadi (1915-1917). Madrasah ini ialah kesinambungan daripada Madrasah al-Iqbal yang telah ditutup di Singapura. Menurut Tan (1999: 114), madrasah ini telah dibiayai oleh Haji Abu Bakar bin Ahmad yang lebih dikenali sebagai Haji Bachik. Namun begitu, madrasah ini juga menemui kegagalan dan ditutup pada tahun berikutnya. Syed Syeikh meninggalkan Melaka dan menuju ke utara semenanjung Malaysia, iaitu Pulau

Pinang. Di Pulau Pinang, beliau telah mendirikan Madrasah al-Masyhur pada tahun 1916M yang juga berkongsi aspirasi yang sama dengan Madrasah al-Iqbal dan Madrasah al-Hadi. Akhirnya, madrasah ini dapat berdiri kukuh dan bertahan sehingga ke hari ini. Pada 20 Februari 1934M bersamaan 6 Zulkaedah 1352H, Syed Syeikh telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di kediaman beliau di Mukim Jelutong pada usia 67 tahun. Jenazah beliau dimakamkan di tanah perkuburan Mukim Jelutong.

ISMAIL RAJI BIN 'ABD AL-HUDA AL-FARUQI

Menurut Abdul Halim (2007: 2) dalam artikelnya yang diterbitkan dalam *Islamic Horizons* edisi Ogos/September 1986, Ismail Raji bin 'Abd al-Huda al-Faruqi dilahirkan di Jaffa Palestin pada 1 Januari 1921M. Manakala Ilyas Ba-Yunus (1988: 1) pula menyatakan yang al-Faruqi dilahirkan pada tahun 1922M/1341H. Tidak dapat dipastikan latar belakang keluarga al-Faruqi melainkan gelaran al-Faruqi yang merupakan gelaran bagi nasab keturunan 'Umar al-Khattab RA (*The Encyclopedia of Islam* 1983). Bapa al-Faruqi, 'Abd al-Hadi al-Faruqi merupakan seorang *qadi* dan mempunyai ilmu agama yang tinggi.

Al-Faruqi menerima pendidikan awalnya daripada ayahnya sendiri yang merupakan seorang *qadi* dan berpengetahuan luas dalam ilmu Islam di rumah dan juga di masjid. Pada tahun 1926M, beliau melanjutkan pelajaran ke *French Dominican College des Freres* sehingga memperoleh sijil tinggi persekolahan (Abdul Halim 2007: 2). Setelah itu, al-Faruqi melanjutkan pelajaran di *College of Arts and Science of the American University* di Bayrut. Setelah beliau memperoleh ijazah dalam bidang falsafah pada tahun 1941M, beliau kembali ke Palestin dan bertugas sebagai *Registrar of Cooperative Societies* di bawah pemerintahan kerajaan British (Shafiq 1994: 2).

Pada tahun 1945M ketika berusia 24 tahun, al-Faruqi dilantik sebagai menjadi Gabenor Wilayah Galilee yang merupakan wilayah terakhir Palestin sebelum pendudukan Yahudi (Ba-Yunus 1988). Pada tahun 1948M, al-Faruqi telah meninggalkan Palestin dan berhijrah ke Bayrut, Lubnan akibat perluasan Israel ke atas Palestin. Pencerobohan Israel ke atas Palestin menyebabkan al-Faruqi berhijrah ke Amerika Syarikat. Di sana, beliau melanjutkan pelajaran di *Indiana University's Graduate School of Arts and Sciences* dan memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang falsafah. Kemudian al-Faruqi

meneruskan pengajiannya di *Harvard University* dan memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang falsafah dan kembali semula ke *Indiana University* untuk menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang falsafah klasik Barat menjadikan beliau amat arif dalam memahami tradisi dan pemikiran barat (Abdul Halim 2007: 2).

Pada tahun 1951M, al-Faruqi telah berkahwin dengan Lois Lamy' al-Faruqi atau nama asalnya Lois Ibsen. Beliau berkahwin ketika berusia 25 tahun. Lois Lamy' mempunyai pengaruh yang kuat terhadap al-Faruqi. Apabila membincangkan sumbangan al-Faruqi bermakna kita turut membincangkan sumbangan Lamy' (Ba-Yunus 1988: 21). Hasil perkahwinan al-Faruqi, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata. Tiada catatan mengenai keluarga al-Faruqi melainkan seorang daripada anak lelakinya telah meninggal di Mexico pada Mac 1986 (Abdul Halim 2007: 5). Di Amerika, al-Faruqi telah melanjutkan pelajaran dalam bidang falsafah dan perbandingan agama. Menurut Quraishi (1987), al-Faruqi pernah menceburi bidang hiasan dalaman dengan menghasilkan perhiasan dan perabot bagi mencari duit untuk meneruskan pengajiannya. Setelah menamatkan pengajian Doktor Falsafahnya, al-Faruqi menuju ke Universiti al-Azhar, Mesir selama tiga tahun. Setelah pulang dari Mesir, al-Faruqi memasuki *School of Divinity* di McGill selama dua tahun untuk melanjutkan pengajiannya dalam bidang *Judeo-Christian* (Abdul Halim 2007: 12). Dari tahun 1961 hingga 1963M, al-Faruqi bertugas sebagai Profesor dalam Pengajian Islam di *Central Institute of Islamic Research* di Karachi. Selepas itu, al-Faruqi menjadi Profesor Pelawat dalam bidang sejarah agama-agama di *University of Chicago* dari tahun 1963-1964M. Pada tahun 1964M, beliau bertugas di *Syracuse University* sehingga tahun 1968M. Akhir sekali, beliau bertugas di *Temple University* dari tahun 1968 hingga 1986M.

Pada hari Selasa, tanggal 27 Mei 1986M 16 Ramadan 1406H, al-Faruqi dan isterinya telah mati dibunuh oleh penceroboh misteri. Pembunuhan al-Faruqi dipercayai didalangi oleh gerakan radikal Zionis daripada kumpulan *Jewish Defence League* yang dipimpin oleh Rabbi Kahane. Pembunuhan al-Faruqi telah menggemparkan dunia. Banyak pihak telah mengutuk pembunuhan kejam tersebut. Jenazah al-Faruqi disembahyangkan di Masjid Muhammad di Philadelphia Barat oleh 4,000 orang jemaah dan disemadikan di tanah perkuburan Forest Hill, Lower Moreland Township (Shafiq 1994).

PERBANDINGAN REFORMASI PENDIDIKAN AL-HADI DAN AL-FARUQI

Terdapat empat ciri utama yang digunakan oleh pengkaji dalam membuat banding beza. Pertama ialah masalah pendidikan tradisional, kedua penerimaan pendidikan Barat, ketiga integrasi pendidikan dan keempat institusi pendidikan.

MASALAH PENDIDIKAN ISLAM

Merujuk *al-Ikhwān* terbitan November 1930M, al-Hadi dalam artikelnya yang bertajuk '*Bukan Islam*' menyatakan tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk menentang *taqlid*. Islam menggalakkan umatnya untuk memahami dan meneliti wahyu dan pendapat ulama terdahulu dengan jelas sebelum mengamalkannya. Al-Hadi menentang sikap umat Islam yang hanya mengikut segala ketetapan yang dibuat oleh ulama terdahulu secara melulu tanpa memahami sebab musababnya. Oleh yang demikian, al-Hadi menggesa agar pintu *ijtihad* dibuka semula untuk mengeluarkan umat Islam daripada kegelapan. Pada pandangan al-Faruqi pula, pintu *ijtihad* tertutup akibat penyempitan makna ilmu *fiqh* yang hanya terhad kepada bidang ibadat sahaja. Sedangkan pengertian *fiqh* amat luas dan boleh diterapkan ke dalam bidang sains kemanusiaan dan juga ekonomi. Al-Faruqi menambah, wajib atas umat Islam untuk ber*ijtihad* dan memperluaskannya, supaya Islam dapat dilaksanakan dan berkesan dalam segenap bidang kehidupan Muslim. Oleh yang demikian, *ijtihad* memerlukan satu metodologi baru untuk membuka kembali pemahaman terhadap usul atau sumber pengetahuan Islam agar lebih bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak zaman.

Perjuangan al-Hadi dalam mengembalikan semula fungsi *ijtihad* melalui penentangan terhadap amalan *taqlid* telah dapat diterima dan telah mencapai matlamatnya. Namun begitu, al-Faruqi merasakan fungsi *ijtihad* tidak dapat difahami dengan baik berdasarkan ruang lingkup penggunaannya yang hanya tertumpu pada bidang *fiqh* sahaja. Dapat dilihat di sini bagaimana al-Faruqi menyambung perjuangan yang dirintis oleh al-Hadi dalam memartabatkan semula peranan *ijtihad* dalam mengeluarkan umat Islam daripada kegelapan dan maju seiring dengan kaum lain. Guru agama pada zaman al-Hadi juga diiktiraf sebagai pemimpin masyarakat. Al-Hadi menentang paksaan pemimpin agama dalam mengikut pendapat sesetengah ulama seperti yang dijelaskan dalam artikel, '*Adakah diberi kuasa oleh Agama Islam kepada Siapa-siapa Boleh Memaksa*

Seseorang Menurut I'tiqadnya?' dalam *al-Ikhwān* terbitan 16 September 1930M. Al-Hadi menambah Allah SWT tidak memaksa manusia untuk memeluk Islam dan Nabi Muhammad SAW juga tidak pernah memaksa seseorang pun untuk memeluk Islam. Lantas apakah hak pemimpin agama untuk memaksa rakyat mengikut pandangannya tentang suatu perkara yang berbeza dengan ulama yang lain? Keadaan ini menjadikan umat Islam semakin jumud dan akan terus ketinggalan.

Bagi al-Faruqi pula, pendidikan Islam pada hari ini kehilangan maruah (al-Faruqi 1988: 50). Para pendidik tidak diberi penghormatan sewajarnya. Penghormatan hanya diberikan kepada pemimpin dan juga selebriti. Majlis-majlis ilmu juga tidak mendapat perhatian daripada umat Islam. Mereka lebih suka menghadiri majlis keramaian dan hiburan yang membuang masa. Selain daripada itu, ahli politik menggunakan institusi pendidikan sebagai alat untuk mempertahankan kuasa (al-Faruqi 1988: 53). Para pendidik diminta untuk menyampaikan ilmu yang berpihak kepada mereka. Mereka juga menyekat para cendekiawan untuk menyampaikan kebenaran yang hakiki. Akibatnya, lulusan daripada universiti tidak mampu untuk menyerlah dan berfikiran luas kerana dikongkong oleh fahaman politik yang diterima ketika menjadi pelajar.

Masalah yang diutarakan oleh al-Hadi dan al-Faruqi merupakan masalah yang perlu diatasi segera dalam memartabatkan institusi pendidikan Islam. Guru agama yang pada mulanya mendapat pengiktirafan tinggi daripada masyarakat, akhirnya kehilangan maruah akibat penyalahgunaan kuasa. Keadaan ini membawa kepada kemudatan institusi pendidikan Islam dengan guru sebagai asas penting dalam pembentukan sahsiah dan peribadi pelajar. Al-Hadi dalam *al-Ikhwān* terbitan 16 Oktober 1930M yang bertajuk '*Bukan Sekali-kali Agama Islam ini Sebab bagi Kejatuhan Kaum Islam, tetapi Hanyalah Sebab Angkara Ketua-ketua Agama*', menganggap ketua agama hanya mengajar satu aspek sahaja dalam pengajian mereka, iaitu ilmu akhirat. Mereka meninggalkan ilmu alat atau ilmu sains yang amat penting dalam kehidupan seharian. Akhirnya, umat Islam menjadi lemah dan lena dalam mengejar ilmu akhirat dan meninggalkan ilmu sains sehingga tertindas dan terjajah oleh bangsa asing yang lebih pandai dan berilmu. Namun begitu, pada era al-Faruqi ilmu sains telah mula dipelajari di institusi pendidikan Islam tetapi timbul pula permasalahan lain, iaitu sekularisasi. Pengenalalan sistem pendidikan sekular telah menggugat sistem pendidikan Islam (al-Faruqi 1988: 56) kerana ilmu agama diajar dan dipelajari

menurut pemahaman sekular, iaitu agama adalah berbentuk peribadi bukan cara hidup seharian.

Keadaan ini telah mewujudkan kesinambungan masalah kerana pada awalnya ilmu sains tidak diajar langsung dalam institusi pendidikan Islam. Setelah ilmu sains diterima, unsur negatif dalam ilmu Barat telah mula meresap masuk ke dalam ilmu-ilmu Islam dan mengubah epistemologi serta pandangan alam yang mendasari binaan ilmu-ilmu Islam tersebut. Ini sekali gus mengubah sosok dan ciri-cirinya yang asli.

PENERIMAAN PENDIDIKAN BARAT

Al-Hadi menerima penjajah Barat dengan hati terbuka. Menerusi ‘*Teguran dan Jawabannya*’ yang disiarkan dalam *al-Ikhwan*, keluaran November 1926M, beliau menyatakan bahawa orang Inggeris ialah askar yang dihantar oleh tuhan ke muka bumi untuk mengeluarkan orang Melayu daripada kegelapan, kebodohan dan kezaliman. Menurut Ibrahim (1993: 163), al-Hadi menerima dan menyokong kedatangan British ke Tanah Melayu berdasarkan tiga sebab. Pertama, orang Inggeris ialah orang yang mulia kerana membebaskan orang Melayu daripada pemerintah mereka yang tidak adil, sombong dan tidak peduli. Kedua, pemerintahan British mempunyai sistem yang baik dan adil kepada semua. Ketiga, tiada bangsa yang patut disalahkan atas kemajuan dan kemodenan yang mereka capai kerana menggunakan akal dengan baik. Dalam *al-Ikhwan* terbitan 16 Oktober 1930, al-Hadi juga menyatakan ilmu-ilmu Barat ini menyempurnakan ilmu-ilmu syariah dan *fiqh*. Ini kerana ilmu ini memberi pengetahuan kepada susunan kejadian manusia dan boleh meninggikan fikiran dan meluaskan akal. Dengan ketinggian fikiran dan akal yang luas seseorang itu mudah untuk memahami ilmu tauhid dengan sokongan akal dan membantu dalam menyelesaikan masalah *fiqh* semasa yang memerlukan bukti dan sokongan sains.

Al-Faruqi secara dasarnya tidak menolak ilmu Barat. Ilmu sains Barat amat penting dalam mencapai kemajuan hidup. Malah al-Faruqi menggalakkan umat Islam menguasai ilmu Barat, namun hanya seorang sahaja yang perlu ke Barat untuk menguasai ilmu sehingga mahir. Tahap penguasaan ilmu sehingga membolehkan seseorang itu menghuraikan isi kandungan ilmu tersebut. Penghuraian ini bukanlah sekadar berbentuk judul ataupun bab, namun penghuraian ini memperjelaskan istilah-istilah teknikal, menerangkan kategori, prinsip, masalah dan tema asas disiplin tersebut. Ia tidak terhenti di situ sahaja. Setiap ilmu yang dikuasai perlu dibuat

kajian atau esei mengenai disiplin tersebut. Kajian ini perlu mengandungi asal-usul serta perkembangan disiplin dan kaedah disiplin tersebut. Ia juga perlu membincangkan tentang perluasan visi disiplin itu berserta dengan sumbangan pemikiran tokoh utama dalam bidang tersebut.

Penerimaan al-Faruqi hanyalah kepada ilmu sahaja. Perkara yang ditolak dalam pendidikan Barat ialah nilai. Nilai pemisahan yang diterapkan oleh Barat dalam pendidikan mereka menjadikan umat Islam semakin ketinggalan dan terpengaruh dengan budaya dan peradaban Barat yang jelas bertentangan dengan nilai Islam. Penerimaan pendidikan Barat secara total menyumbang kepada gerakan westernisasi dan juga sekularisasi yang menjadi ancaman kepada pemikiran umat Islam pada hari ini. Dapat dilihat di sini bagaimana al-Faruqi membaiki kelemahan al-Hadi dalam bab penerimaan ilmu Barat. Ketika zaman al-Hadi, masih belum jelas gerakan westernisasi dan juga sekularisasi yang menjadi ancaman kepada pemikiran umat. Namun al-Faruqi telah menyedari dan cuba membetulkan penerimaan al-Hadi dalam konteks pendidikan Barat.

INTEGRASI ILMU


Dalam membincangkan soal integrasi ilmu, al-Hadi telah memberikan susunan kepentingan ilmu seperti yang ditulis dalam *al-Ikhwan*, keluaran 16 Oktober 1930M:

Bukankah ilmu tauhid itu kesudahan-kesudahan segala ilmu semuanya dan pati perhimpunan segala jenis ilmu? Dan bukankah ilmu *fiqh* itu syariah yang dikerjakan oleh tiap-tiap orang pada perhubungannya dengan Tuhannya dan peraturan pekerjaan yang dijalankannya dengan sekalian jenis manusia? Bermula kedua-dua jenis ilmu ini berhajatlah bagi menyempurnakan pengetahuan kepadanya dengan ilmu yang memberi pengetahuan kepada susunan kejadian manusia seumpama ilmu boleh membelah, memotong supaya mengetahui akan hakikat tiap-tiap anggota itu punya kejadian dan kewajipannya, demikian juga ilmu *tarikh*, riadah, ilmu tabiat dan lain-lainnya.

Dalam tulisan ini terkandung pemeringkatan ilmu yang perlu dikuasai oleh umat Islam dalam integrasi ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, keperluan sebuah institusi pendidikan yang menawarkan semua ilmu yang dinyatakan oleh al-Hadi di bawah satu bumbung yang pada ketika itu belum lagi diwujudkan. Dengan itu, al-Hadi serta rakan-rakan seperjuangan mereka telah menubuhkan sebuah madrasah yang diberi nama Madrasah al-Iqbal pada 4 Februari 1908M yang menawarkan sistem pendidikan baru dengan subjek pendidikan Islam tradisional dan juga

subjek sains diajar di bawah satu bumbung yang digelar madrasah. Namun ia ditutup selepas dua tahun ditubuhkan akibat masalah kewangan. Dengan bantuan Haji Bachik, al-Hadi telah menubuhkan pula Madrasah al-Hadi di Banda Hilir, Melaka pada tahun 1915M. Namun begitu, atas tentangan dan ancaman yang kuat daripada golongan Kaum Tua, Madrasah al-Hadi telah ditutup pada tahun kedua dan al-Hadi telah melarikan diri ke Pulau Pinang (Syed Alwi t.th.). Di Pulau Pinang, al-Hadi telah menubuhkan Madrasah al-Masyhur pada tahun 1916M di Jalan Tek Soon. Al-Hadi telah menjadi pengarah dan pendidik di madrasah tersebut (Syed Alwi t.th.). Madrasah al-Masyhur telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan penduduk Pulau Pinang dan terus kekal sehingga ke hari ini, namun di bawah kendalian Kerajaan Persekutuan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia.

Al-Faruqi pula dalam integrasi ilmu telah mencadangkan idea yang lebih dikenali sebagai Islamisasi ilmu. Islamisasi Ilmu menurut perspektif al-Faruqi ialah penyatuan atau penggabungan antara dua sistem, iaitu membawa pengetahuan Islam kepada pengetahuan moden dan pengetahuan moden ke dalam sistem Islam, seterusnya menghasilkan buku-buku rujukan dengan menuang kembali kira-kira dua puluh buah disiplin dengan wawasan Islam (Ba-Yunus 1988: 19). Al-Faruqi telah menyusun rangka kerja yang perlu diikuti bagi memudahkan proses Islamisasi sesuatu disiplin ilmu. Rangka kerja ini terdiri daripada 12 langkah seperti yang dijelaskan dalam *Islamization of Knowledge* (1989: 38-48) atau terjemahan ke bahasa Melayu oleh Mustafa Kasim. Langkah-langkah Islamisasi ilmu dapat diringkaskan seperti Rajah 1 di bawah.



RAJAH 1. Langkah-langkah Islamisasi II
SUMBER: Mohd. Azrani et al. 2014

Terdapat perbezaan yang nyata dalam konteks integrasi ilmu antara al-Hadi dan al-Faruqi. Al-Hadi hanya mengintegrasikan pendidikan Islam tradisional dan pendidikan Barat di bawah satu institusi pendidikan yang bersifat pedagogi, iaitu penyatuan kurikulum agama dan juga kurikulum sains moden. Manakala al-Faruqi mengintegrasikan ilmu Islam dengan ilmu Barat untuk menghasilkan satu tafsiran baru dalam ilmu sains sosial yang bersifat epistemologi. Keadaan ini menunjukkan peningkatan kematangan para pemikir Islam dalam perkembangan pemikiran umat Islam untuk menyelesaikan masalah dalam sistem pendidikan.

INSTITUSI PENDIDIKAN

Al-Hadi bersama rakan seperjuangannya, iaitu Abbas bin Mohd Taha (lahir 1885M), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari (1869-1956M) dan Syeikh Muhammad Salim al-Kalali telah menubuhkan Madrasah al-Iqbal (1908-1909M) (Syed Alwi t.th.). Penubuhan madrasah ini adalah untuk merealisasikan impian al-Hadi mewujudkan institusi pendidikan yang menggabungkan aliran pendidikan tradisional dan pendidikan Barat.

Al-Imam keluaran 7 November 1907M telah memberi penjelasan tentang penubuhan madrasah untuk mengajar ilmu agama yang sah kepada anak-anak lelaki dan perempuan sehingga dapat menunaikan ibadat dengan kefahaman yang betul serta mengajar ilmu yang berfaedah dalam menjalani kehidupan seharian. Madrasah ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar, di samping mengajar bahasa Melayu dan Inggeris. Mata pelajaran yang diajar terbahagi kepada dua kategori, iaitu mata pelajaran agama dan mata pelajaran kemanusiaan. Bagi mata pelajaran agama subjek yang diajar ialah al-Qur'an, tajwid, ilmu *i'tiqad* dan bahasa Arab. Bagi mata pelajaran kemanusiaan, subjek yang diajar ialah bahasa Melayu, geografi, sejarah, seni lukis, bahasa Inggeris dan riadah.

Menurut *al-Imam* 7 November 1907M, madrasah ini dibahagikan kepada empat peringkat yang berbeza mengikut aras pencapaian murid. Pada peringkat pertama, murid akan belajar ilmu al-Qur'an, tajwid, menulis huruf, asas ilmu matematik dan pelajaran adab. Pada peringkat kedua, murid akan belajar ilmu *'aqa'id*, matematik, bahasa Arab, asas bahasa Inggeris, khat dan karangan bahasa Melayu. Bagi peringkat ketiga, murid akan mempelajari ilmu bahasa Arab, ilmu bahasa Inggeris, Matematik, Geografi, Sejarah dan ilmu mengarang khutbah.

Bagi peringkat keempat, murid akan mempelajari ilmu Arab peringkat tinggi, karangan bahasa Inggeris, Matematik, Geografi, Sejarah, Seni dan mengarang ucapan.

Dalam merealisasikan Islamisasi, al-Faruqi ilmu telah menubuhkan *The International Institute of Islamic Thought* (IIIT) pada tahun 1981M yang beribu pejabat di Herndon, Virginia. Dalam kertas cadangan penubuhannya, institusi ini diharap untuk menjadi:

"...the revitalization of Islamic thought by activating its thinkers, fertilizing their minds, planning and conducting Islamic research, cultivating and promoting artistic creativity. Its purpose includes the printing, publication and dissemination of Islamic thought throughout the world. The ultimate end of the Institute is to assist Islamic thinkers to research, develop, articulate and establish a viable position for Islam on contemporary issues and problems of truth and life..." (Shafiq 1994: 28).

Objektif penubuhan institut ini sebagaimana penjelasan Shafiq (1994: 29) ialah:

1. Menghubungi pemikir dalam semua bidang pemikiran Islam untuk menjalinkan hubungan dalam kalangan mereka yang kondusif untuk memenuhi program institut.
2. Memberi galakan, dengan semua cara yang mungkin kepada pelajar dan para pemikir Islam untuk berfikir, menyelidik, menulis dan meluahkan idea mereka dengan bakat dan kecekapan mereka.
3. Menjemput para pemikir Islam untuk bertemu bagi membincang, merancang dan menjalankan program penyelidikan dan penerbitan Islam untuk mendorong pemikiran kreatif, kritis dan bertanggungjawab isu-isu atau masalah dalam Islam.
4. Memberi geran kepada pemikir Islam supaya menjalankan penyelidikan dalam subjek atau masalah tertentu dan kemudian membentangkan penemuan mereka.
5. Menganjurkan ceramah, seminar, perbincangan dan projek penyelidikan bagi pakar, pelajar atau orang awam bagi memajukan pemikiran dan keserjanaan Islam.
6. Menyiarkan hasil penemuan projek dan penyelidikan dalam bentuk buku, risalah, majalah atau medium lain untuk disebarkan ke seluruh dunia.
7. Bekerjasama dengan organisasi yang berlainan agama, budaya atau pendidikan tetapi mempunyai tujuan yang sama.

Objektif ini jelas menunjukkan institut ini menjadi tempat untuk dijalankan proses Islamisasi ilmu. Institusi ini menjadi tempat di mana para pemikir berkumpul, berbincang, merancang, mengkaji dan menghasilkan bahan yang mempunyai visi dan misi Islam di dalamnya. Segala harapan dan impian Islamisasi ilmu bermula daripada institut ini.

Perbezaan ketara yang dapat dilihat daripada penubuhan madrasah dan juga IIT ialah madrasah menawarkan pendidikan asas bagi murid-murid sekolah rendah, manakala IIT adalah ditawarkan kepada lepasan graduan pengajian tinggi. Objektifnya juga berbeza kerana madrasah berhasrat melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek dan juga rohani. Manakala IIT berhasrat untuk melahirkan satu tradisi keilmuan baru dengan mentafsir semula ilmu-ilmu sains moden yang mempunyai misi dan visi Islam di dalamnya. Dari sudut yang lain, terdapat kesinambungan antara kedua-dua institusi ini. Madrasah menyediakan para pelajar yang dapat menguasai kedua-dua bidang ilmu di peringkat asas untuk digilap sehingga ke institut pengajian tinggi. Para pelajar yang berjaya dengan cemerlang dan menguasai kedua-dua disiplin ilmu ini dengan baik, dapat dimanfaatkan oleh IIT dalam merealisasikan Islamisasi ilmu. Apa yang penting ialah proses pemantapan sistem pendidikan Islam yang mengambil kira perkembangan ilmu-ilmu moden yang menjadi cabaran kepada umat Islam pada masa itu untuk memahami dan mengharmonikannya dengan epistemologi serta pandangan dunia Islam. Usaha pengharmonian ini ialah proses yang berterusan bila mana tamadun Islam atau umat Islam bertembung dengan idea-idea daripada tamadun luar. Justeru, reformasi ini ialah suatu proses yang tidak dapat dielakkan, bahkan wajib dilaksanakan supaya umat Islam tidak ketinggalan dalam perkembangan ilmu global.

Secara perbandingannya, reformasi pendidikan al-Hadi dan al-Faruqi dapat disimpulkan melalui Jadual 1.

KESIMPULAN

Apabila melihat kepada masa dan juga kemunculan al-Hadi dan al-Faruqi, jelas terlihat perbezaan yang ketara. Al-Hadi muncul pada era kolonialisme, manakala al-Faruqi pula muncul pada era pasca-kolonialisme. Di sini dapat dilihat jurang perbezaan yang besar dari sudut masa kemunculan mereka dan ia merupakan perbezaan yang paling dominan dalam aspek pemikiran dan pendapat mereka. Al-Hadi dalam

JADUAL 1. Perbandingan reformasi pendidikan al-Hadi dan al-Faruqi

Tema	al-Hadi	al-Faruqi
Masalah Pendidikan Tradisional	<ul style="list-style-type: none"> ● Membuka semula pintu <i>ijtihad</i> ● Peranan Guru Agama yang salah ● Hanya mengajar ilmu agama dan menolak sains ● Menerima pendidikan Barat sebagai jalan keluar dari kemunduran 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyempitan makna <i>ijtihad</i> hanya ilmu <i>fiqh</i> ● Guru kehilangan maruah dan kekangan politik ● Sekularisasi dalam pendidikan
Penerimaan Pendidikan Barat	Barat sebagai jalan keluar dari kemunduran	Hanya seorang Muslim diperlukan untuk mempelajari keseluruhan ilmu Barat
Integrasi Pendidikan	Penggabungan pendidikan agama dan Barat di bawah satu institusi	Penggabungan ilmu agama dan Barat di dalam satu subjek
Institusi Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> ● Melahirkan individu seimbang ● Ilmu-ilmu asas ● Umur 5-12 tahun 	<ul style="list-style-type: none"> ● Melahirkan mata pelajaran baru ● Sains sosial ● Peringkat umur di pengajian tinggi

SUMBER: Mohd Azlan et al. 2014

reformasi pendidikannya melihat permasalahan umat ketika umat Islam dijajah. Oleh itu, tumpuan beliau adalah untuk menyedarkan umat Islam agar bangkit dan mempelajari sebanyak mana ilmu pengetahuan untuk mengeluarkan mereka daripada penjajahan dan juga kemunduran. Kemunculan al-Faruqi setelah berakhirnya zaman penjajahan lebih melihat kepada kelangsungan hidup umat Islam yang masih lagi ketinggalan walaupun sudah bebas daripada penjajahan asing. Oleh yang demikian, kemunculan al-Faruqi bersama pemikiran dan pandangannya adalah untuk membaiki kelemahan pemikiran tokoh sebelum mereka dan juga mengangkat pemikiran Islam ke tahap yang lebih tinggi berbanding zaman sebelumnya.

Dengan itu, segala persamaan dalam pemikiran dan pendapat al-Hadi serta al-Faruqi merupakan satu kesinambungan pandangan dan pendapat kedua-dua tokoh ini, manakala segala perbezaan pendapat adalah usaha al-Faruqi dalam mengatasi kelemahan pemikiran al-Hadi pada ketika itu. Pertembungan pendapat dan pemikiran al-Hadi dan al-Faruqi tidak menunjukkan yang mereka berbeza kerana matlamat dan impian mereka adalah sama untuk mengeluarkan umat Islam daripada kemunduran dan mengembalikan zaman kegemilangan Islam pada suatu ketika dahulu.

NOTA Hujung

- ¹ Terdapat perbezaan pendapat tentang tahun lain kelahiran al-Hadi seperti 1281H bersamaan tahun 1864M (Talib 1992) dan 1962M (Roff 1967).
- ² Menurut Tan (1999), Sultan Johor telah melantik Raja Ali Kelana sebagai Ketua Agama yang berperanan menasihati Raja dalam hal-ehwal keagamaan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ramli. 2007. *Memahami Islamisasi Ilmu dari Pemikiran Prof. Ismail Raji al-Faruqi*. Selangor: Straits Digital Sdn. Bhd.
- Ba-Yunus, Ilyas. 1988. *Sosiologi Islam dan Masyarakat Kontemporer*. Terj. Hamid Basyaib. Ilyas Hasan (pnyt.). Bandung: Percetakan Mizan.
- Esa Khalid. 2001. *Konsep Tamadun Islam Sains dan Teknologi*. Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Faruqi, Isma'il Raji. 1988. *Kumpulan Kertas Kerja al-Faruqi, Pemikiran Islam al-Faruqi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Faruqi, Isma'il Raji. 1989. *Islamization of Knowledge: General Principle and Work Plan*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Ibrahim Abu Bakar. 1993. *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syeikh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Kamus Dewan*. 2000. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azran Asran, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria & Mohd Azmir Mohd Nizah. 2014. Integration of education in al-Hadi and al-Faruqi. *The Social Sciences* 10(1): 20-23.
- Shafiq, Muhammad. 1994. *Growth of Islamic Thought in North America: Focus on Isma'il Raji al Faruqi*. USA: Amana Publications.
- Quraishi, M. T. 1987. *Ismail al-Faruqi: An Enduring Legacy*. Plainfield: MSA Publication.
- Roff, W. R. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Syed Alwi. t.th. *Riwayat Hidup Syed Shiekh bin Ahmad bin Hassan Al Hady*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Syed Sheikh bin Ahmad al-Hadi. 1965. *Ugama Islam dan Akal*. Kota Bharu: Perchetaka Pustakan Dian.
- Talib Samat. 1992. *Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, Linda. 1999. Syed Shaykh: His Life and Times. Dlm. *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady: With Selections of His Writings by His Son Syed Alwi al-Hady, disunting oleh Gordon, A*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- The Encyclopedia of Islam*. 1983. Leiden: E. J. Brill.
- The Oxford English Dictionary*. 1989. Jil. 13. Oxford: Oxford University Press.
- Mohd Azrani Asran
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
aufaa@ukm.edu.my